



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kerja (Pindaan) 1988

DR.28/1988

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG OLEH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerja (Pindaan) 1988. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 2 (1) Akta Kerja 1955, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 2. Akta 265.

(a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “shift work” dalam perenggan (b) takrif “day”, perkataan-perkataan “or in work where the normal hours of work extend beyond midnight”;

(b) dengan memasukkan, selepas sahaja takrif “day”, takrif yang berikut:

“ ‘Director General’ means the Director General of Labour appointed under section 3 (1);”;

(c) dengan memotong takrif “electrical installation”;

(d) dengan memotong takrif “live apparatus” and “insulated” ; dan

(e) dengan menggantikan takrif “wages” dengan takrif yang berikut:

“wages” means basic wages and all other payments in cash payable to an employee for work done in respect of his contract of service but does not include—

- (a) the value of any house accommodation or the supply of any food, fuel, light or water or medical attendance, or of any approved amenity or approved service;
- (b) any contribution paid by the employer on his own account to any pension fund, provident fund, superannuation scheme, retrenchment, termination, lay-off or retirement scheme, thrift scheme or any other fund or scheme established for the benefit or welfare of the employee;
- (c) any travelling allowance or the value of any travelling concession;
- (d) any sum payable to the employee to defray special expenses entailed on him by the nature of his employment;
- (e) any gratuity payable on discharge or retirement; or
- (f) any annual bonus or any part of any annual bonus;’.

Pindaan
seksyen 3.

3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) baru yang berikut:

“(2) The Yang di-Pertuan Agong may appoint, to such number as he considers necessary for carrying out the provisions of this Act, officers of the following categories, that is to say—

- (a) Deputy Directors General of Labour;

(b) Directors of Labour, Deputy Directors of Labour and Assistant Directors of Labour; and

(c) Labour Officers.”.

4. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (c) subseksyen (1) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 14.

“(c) impose any other lesser punishment as he deems just and fit.”.

5. Seksyen 24 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 24.

(a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “of the Director General” dalam perenggan (e) subseksyen (2), perkataan-perkataan “and subject to any conditions he may impose”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “or thrift scheme” dalam subperenggan (i) proviso pertama kepada perenggan (e) subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “, thrift scheme or insurance scheme”;

(c) dengan memasukkan, selepas sahaja subperenggan (iib) proviso pertama kepada perenggan (e) subseksyen (2), subperenggan baru (iic) yang berikut:

“(iic) payments in respect of any goods or shares of the employer’s business offered for sale by the employer;”;

(d) dengan menggantikan perkataan “Ordinance” dalam subseksyen (3) dengan perkataan “Act”; dan

(e) dengan memasukkan rujukan birai “Act 287.” bersetentangan dengan rujukan “Co-operative Societies Act 1948”.

Pindaan
seksyen 25A.

6. Seksyen 25A Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “at a bank” dalam perenggan (a) subseksyen (1), perkataan-perkataan “or a finance company registered under the Finance Companies Act 1969”; dan
- (b) dengan memasukkan rujukan birai “Act 6.” berseketengan dengan rujukan “Finance Companies Act 1969” sebagaimana yang dimasukkan melalui perenggan (a) di atas.

Pindaan
seksyen 31.

7. Seksyen 31 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “two” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “four”.

Pindaan
seksyen 34.

8. Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “no female employee shall work” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “no employer shall require any female employee to work”.

Pindaan
seksyen 59.

9. Seksyen 59 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Ordinance” dalam proviso kepada subseksyen (1) dengan perkataan “Act”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “F.M. 85/52.” dalam rujukan birai kepada subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “Act 273.”

Pindaan
seksyen 60.

10. Seksyen 60 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “three” dalam perenggan (c) subseksyen (3) dengan perkataan “two”.

Pindaan
seksyen 60A.

11. Seksyen 60A Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1A) dengan subseksyen (1A) baru yang berikut:

“(1A) The Director General may, on the written application of an employer, grant permission to the employer to enter into a

contract of service with any one or more of his employees, or with any class, category or description of his employees, requiring the employee or employees, or the class, category or description of employees, as the case may be, to work in excess of the limit of hours prescribed under subsections (1) (a), (b) and (c) but subject to subsection (1) (d) and to such conditions, if any, as the Director General may deem proper to impose, if he is satisfied that there are special circumstances pertaining to the business or undertaking of the employer which renders it necessary or expedient to grant such permission:

Provided that the Director General may at any time revoke the approval given under this subsection if he has reason to believe that it is expedient to do so.”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (1B) dengan subseksyen (1B) baru yang berikut:

“(1B) Any person who is dissatisfied with any decision of the Director General under subsection (1A) may, within thirty days of such decision being communicated to him, appeal in writing therefrom to the Minister.”;

- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1B), subseksyen baru (1C) yang berikut:

“(1C) On an appeal made to him under subsection (1B) the Minister may make such decision or order thereon as appears just, and such decision or order shall be final.”;

- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “no employee shall” dalam subseksyen (7) dengan perkataan-perkataan “no employer shall require any employee”; dan

- (e) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “any circumstances” dalam subseksyen (7), perkataan “to”.

Pindaan
seksyen 60c.

12. Seksyen 60c Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “section 60A (1) (b)” dalam subseksyen (1), perkataan “, (c)”;
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “no employee who is engaged under this” dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan “no employer shall require any employee who is engaged under his”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “shall” dalam subseksyen (2) dengan perkataan “to”.

Pindaan
seksyen 60d.

13. Seksyen 60d Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan “maternity leave,” dalam subseksyen (1B);
- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “Ordinance,” dalam subseksyen (1B) dengan perkataan “Act”;
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan “F.M. 85/52.” dalam rujukan birai kepada subseksyen (1B) dengan perkataan-perkataan “Act 273.”;
- (d) dengan memotong koma selepas perkataan-perkataan “Employees Social Security Act” dalam subseksyen (1B);
- (e) dengan memotong koma selepas perkataan-perkataan “that day” dalam perenggan (a) subseksyen (3);
- (f) dengan menggantikan perkataan-perkataan “four and half” dalam perenggan (aa) subseksyen (3) dengan perkataan “three”; dan
- (g) dengan memotong perkataan-perkataan “, a part of an hour being calculated as one hour for this purpose” dalam perenggan (aa) subseksyen (3).

14. Seksyen 60E Akta ibu adalah dipinda—Pindaan
seksyen 60E.

- (a) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (2) dengan noktah bertindih; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (2), proviso yang berikut:

“Provided that an employee shall be entitled to payment in lieu of such annual leave if, at the request of his employer, he agrees in writing not to avail himself of any or all of his annual leave entitlement.”.

15. Seksyen 60F Akta ibu adalah dipinda—Pindaan
seksyen 60F.

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (1A) yang berikut:

“(1A) An employee shall also be entitled to paid sick leave under paragraphs (aa) and (bb) of subsection (1) after examination by a dental surgeon as defined in the Dental Act 1971: Act 51.

Provided that the entitlement for such sick leave shall be inclusive of the number of days provided for under paragraphs (aa) and (bb) of subsection (1).”;

- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “subsection (1)” dalam perenggan (a) subseksyen (2), perkataan-perkataan “or a dental surgeon as provided under subsection (1A)”;
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan “medical officer” dalam perenggan (b) subseksyen (2), perkataan-perkataan “or dental surgeon”;
- (d) dengan menggantikan perkataan “Ordinance” dalam subseksyen (4) dengan perkataan “Act”;
- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “F.M. 85/52.” dalam rujukan birai kepada subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan “Act 273.”; dan

- (f) dengan menggantikan perkataan “benefits” dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan “periodical payments for temporary disablement”.

Pindaan
seksyen 60i.

16. Seksyen 60i Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subperenggan (iii) dalam proviso kepada subseksyen (1) dengan subperenggan (iii) baru yang berikut:

- “(iii) in the case of an employee employed on a daily rate of pay or on piece rates, the ordinary rate of pay shall be calculated by dividing the total wages earned by such employee during the preceding wage period (excluding any rest day or any of the ten public holidays referred to in section 60D (1) or any paid holiday substituted therefor under section 60D) by the actual number of days the employee had worked during that wage period (excluding any rest day or any of the ten public holidays referred to in section 60D (1) or any paid holiday substituted therefor under section 60D).”.

Pindaan
seksyen 63A.

17. Seksyen 63A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) baru yang berikut:

“(1) Any person or employer who proposes—

- (a) to operate any agricultural or industrial undertaking or any establishment where any commerce, trade, profession or business of any description is carried on; or
- (b) to take over or commence business in such undertaking or establishment; or
- (c) to change the name or the location of such undertaking or establishment,

in which any employee is employed or is likely to be employed shall, within ninety days of such commencing of operation, taking over or

commencing of business, or changing the name or the location of the undertaking or establishment, as the case may be, give notice in writing thereof to the nearest office of the Director of Labour having jurisdiction for the area in which that undertaking or establishment is located and furnish such office of the Director of Labour with—

- (i) the registered name, address and nature of business of;
- (ii) the name of the manager or person in charge of; and
- (iii) a statement of the categories and total number of employees employed in, that undertaking or establishment.”.

18. Seksyen 67 Akta ini adalah dipinda dengan menggantikan noktah bertindih di hujung perenggan (b) dengan koma bernoktah dan memasukkan selepas itu perenggan baru (c) dan (d) yang berikut: Pindaan seksyen 67.

- “(c) copy or make extracts from such contracts of service, books of account of wages, registers and other documents relating to such employees or their employment;
- (d) take possession of such contracts of service, books of account of wages, registers and other documents relating to such employees or their employment where, in his opinion,—
 - (i) the inspection, copying or the making of extracts from such contracts of service, books of account of wages, registers or other documents cannot reasonably be undertaken without taking possession of them;
 - (ii) they may be interfered with or destroyed unless he takes possession of them; or
 - (iii) they may be needed as evidence in any legal proceedings under this Act:”.

Pindaan
seksyen 69.

19. Seksyen 69 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen (1) baru yang berikut:

“(1) The Director General may inquire into and decide any dispute between an employee and his employer in respect of wages or any other payments in cash due to such employee under—

- (a) any term of the contract of service between such employee and his employer;
- (b) any of the provisions of this Act or any subsidiary legislation made thereunder; or
- (c) the provisions of the Wages Council Act 1947 or any order made thereunder,

Act 195.

and, in pursuance of such decision, may make an order in the prescribed form for the payment by the employer of such sum of money as he deems just without limitation of the amount thereof.”;

- (b) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen (2) baru yang berikut:

“(2) The powers of the Director General under subsection (1) shall include the power to hear and decide, in accordance with the procedure laid down in this Part, any claim by—

- (i) an employee against any person liable under section 33;
- (ii) a sub-contractor for labour against a contractor or sub-contractor for any sum which the sub-contractor for labour claims to be due to him in respect of any labour provided by him under his contract with the contractor or sub-contractor; or

(iii) an employer against his employee in respect of indemnity due to such employer under section 13 (1),

and to make such consequential orders as may be necessary to give effect to his decision.”; and

(c) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen (3) baru yang berikut:

“(3) In addition to the powers conferred by subsections (1) and (2), the Director General may inquire into and confirm or set aside any decision made by an employer under section 14 (1) and the Director General may make such consequential orders as may be necessary to give effect to his decision:

Provided that if the decision of the employer under section 14 (1) (a) is set aside, the consequential order of the Director General against such employer shall be confined to payment of indemnity in lieu of notice and other payments that the employee is entitled to as if no misconduct was committed by the employee:

Provided further that the Director General shall not set aside any decision made by an employer under section 14 (1) (c) if such decision has not resulted in any loss in wages or other payments payable to the employee under his contract of service:

And provided further that the Director General shall not exercise the power conferred by this subsection unless the employee has made a complaint to him under the provisions of this Part within thirty days from the date on which the decision under section 14 is communicated to him either orally or in writing by his employer.”.

Pindaan
seksyen 69A.

20. Seksyen 69A Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "inquiry" dalam perenggan (b), perkataan-perkataan "or any proceedings".

Pindaan
seksyen 76.

21. Seksyen 76 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Federal Court" dalam subseksyen (2) dengan perkataan-perkataan "Supreme Court".

Pindaan
seksyen 98.

22. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 98 dengan seksyen 98 baru yang berikut:

"Under Part XIV. 98. Any employer or any person acting on his behalf who fails to comply with any requirement under section 67, or who obstructs the Director General or an officer authorized by him from exercising his functions under Part XIV, shall be guilty of an offence and shall be liable, on conviction, to a fine not exceeding two thousand ringgit."

Pindaan
seksyen 102.

23. Seksyen 102 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "to be paid for" dalam perenggan (i) subseksyen (2), perkataan-perkataan "filing of claims under section 69 and for".

Pindaan
Jadual
Pertama.

24. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "one thousand" dalam perenggan 1 dengan perkataan-perkataan "one thousand two hundred and fifty".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kerja 1955.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan memotong takrif-takrif "electrical installations" dan "live apparatus" and "insulated". Ia juga bertujuan meminda takrif-takrif "day" dan "wages". Takrif baru "wages" tidak termasuk apa-apa bonus yang dibayar, sama ada secara kontrak atau selainnya. *Fasal* ini juga bertujuan memperkenalkan takrif baru bagi "Director General".

3. *Fasal 3* bertujuan meminda seksyen 3 bagi memperuntukkan bahawa apa-apa perlantikan berbagai-bagai kategori Pegawai Buruh hendaklah bagi seluruh Malaysia Barat. Ini adalah untuk mengurangkan masalah pentadbiran dan beban kerja dalam melantik pegawai-pegawai bilamasa mereka ditukarkan dari satu Negeri ke satu Negeri yang lain.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 14 bagi membolehkan majikan mengenakan apa-apa hukuman ringan lain kerana salah laku.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 24 untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut apabila dia memberi kebenaran kepada majikan untuk memotong gaji pekerja-pekerja. Pindaan ini juga akan membolehkan Ketua Pengarah membenarkan potongan daripada gaji pekerja dibuat berkenaan dengan bayaran untuk apa-apa barang atau syer daripada perniagaan majikan yang ditawarkan untuk jualan oleh majikan dan bayaran kepada skim insurans pekerja.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 25A (1) bagi memperuntukkan bahawa gaji boleh juga dibayar masuk ke dalam akaun pekerja dengan syarikat kewangan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969. Ini bertujuan memudahkan pembayaran gaji di pekan-pekan kecil di mana kemudahan urusan bank tidak boleh didapati.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 31 bagi menaikkan jumlah amaun gaji mana-mana pekerja yang akan diberi prioriti daripada tuntutan-tuntutan pemiutang bercagar.

8. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 34 bagi memindahkan tanggungjawab untuk mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini kepada majikan.

9. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 60 (3) untuk mengurangkan kadar lebih masa pada hari rehat mingguan daripada tiga kali ganda kadar bayaran sejam kepada dua kali ganda kadar bayaran sejam oleh sebab kadar semasa dianggap terlalu tinggi.

10. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 60A. Subseksyen (1A) dan (1B) digantikan kerana peruntukan-peruntukan sekarang sudah usang. Subseksyen (1A) baru memberi kuasa kepada Ketua Pengarah membenarkan majikan-majikan mengikat kontrak perkhidmatan dengan pekerja-pekerja untuk bekerja lebih daripada waktu kerja yang ditetapkan di dalam subseksyen (1) (a), (b) dan (c) tetapi tertakluk kepada syarat yang pekerja-pekerja itu tidak dikehendaki bekerja melebihi empat puluh lapan jam

seminggu. Mana-mana majikan yang tidak berpuas hati dengan keputusan Ketua Pengarah boleh merayu kepada Menteri dalam masa tiga puluh hari. Seksyen ini juga meletakkan tanggungjawab untuk mematuhi peruntukan seksyen tersebut ke atas majikan.

11. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 60c bagi maksud meletakkan tanggungjawab untuk mematuhi peruntukan seksyen tersebut ke atas majikan.

12. *Fasal 13* bertujuan meminda seksyen 60D bagi mengurangkan kadar bayaran untuk kerja lebih masa pada hari kelepasan am. Tambahan lagi, seseorang majikan tidak perlu memberi suatu hari lain sebagai hari kelepasan bergaji kiranya hari kelepasan am jatuh semasa tempoh cuti bersalin yang seseorang pekerja itu berhak mendapatnya.

13. *Fasal 14* bertujuan meminda seksyen 60E bagi membolehkan pekerja mendapat bayaran sebagai ganti cuti tahunan kiranya dia diminta bekerja oleh majikannya, dan dia bersetuju secara bertulis, tidak akan menggunakan cuti tahunan yang dia berhak mendapatnya.

14. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 60F dengan memasukkan subseksyen baru (1A). Subseksyen baru (1A) mengiktiraf bahawa doktor pergigian boleh juga memperakukan bila seseorang pekerja berhak mendapat cuti sakit. Ia juga melarang pekerja-pekerja yang sedang menerima faedah-faedah hilang upaya sementara di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 daripada menerima juga faedah-faedah cuti sakit.

15. *Fasal 16* bertujuan meminda seksyen 60I untuk memperkenalkan satu formula baru bagi membolehkan kadar bayaran biasa ditentukan dengan senang bagi pekerja-pekerja yang dibayar upah ikut hari dan upah ikut kerja.

16. *Fasal 17* bertujuan meminda seksyen 63A bagi memperluaskan pemakaian seksyen itu dan memperkenalkan satu peruntukan yang menurutnya seseorang majikan juga dikehendaki memberitahu pejabat Pengarah Buruh terdekat yang mempunyai bidang kuasa bagi kawasan di mana establismen atau perusahaan itu terletak berkenaan dengan pertukaran nama atau pertukaran tentang tempat establismen atau perusahaan itu. Ini adalah untuk memudahkan Jabatan Buruh mengesan majikan-majikan.

17. *Fasal 18* bertujuan meminda seksyen 67 untuk memudahkan penyiasatan yang dijalankan oleh Pegawai Buruh.

18. *Fasal 19* bertujuan meminda dan memperbuat semula seksyen 69. Ia menjelaskan jenis-jenis pertikaian di antara majikan dengan pekerja yang boleh disiasat oleh Ketua Pengarah. Pindaan ini juga menjelaskan bahawa dalam kes-kes yang melibatkan pembuangan kerja tanpa notis, kuasa Ketua Pengarah hanya terhad kepada memerintahkan bayaran-bayaran tertentu sahaja.

19. *Fasal 22* bertujuan meminda seksyen 98 bagi memperuntukkan penalti ke atas mereka yang tidak mematuhi atau yang menghalang Ketua Pengarah atau pegawai-pegawainya semasa melaksanakan tugas-tugas mereka di bawah Bahagian XIV Akta.

20. *Fasal 23* bertujuan meminda seksyen 102 bagi membolehkan Menteri mengenakan fee bagi tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh pihak-pihak di bawah seksyen 69.

21. *Fasal 24* bertujuan meminda Jadual Pertama kepada Akta bagi memperluaskan bidang pemakaian Akta supaya meliputi pekerja-pekerja yang bergaji \$1,250.00 ataupun kurang.

22. Pindaan-pindaan lain berupa pindaan-pindaan kecil dan berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U) 1435.]